



MAJLIS PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM KPKT DAN SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT KPKT 2020



Pada 15 September 2020, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hadir merasmikan Majlis Perhimpunan Penjawat Awam KPKT dan Sambutan Hari Malaysia Peringkat KPKT 2020. Selari dengan tema sambutan Hari Malaysia 2020 "Malaysia Prihatin", beliau menyeru agar warga KPKT untuk mengambil semangat ini untuk terus menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat Malaysia. Beliau juga menggalakkan agar warga KPKT untuk menzahirkan semangat patriotisme dengan menjaga perpaduan dan keamanan tanah air tercinta.

Tema sambutan tahun ini turut membawa pengertian seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi pandemik COVID-19, sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. Walaupun negara dilanda pandemic COVID-19 ia tidak menghalang seluruh rakyat Malaysia menyambut Bulan Kemerdekaan iaitu dengan pendekatan norma baharu.

Seluruh warga KPKT diseru berasa revolusi dan berubah dalam norma baharu dengan mengamalkan penjarakan fizikal berdasarkan disiplin diri tinggi serta mematuhi SOP yang ditetapkan tanpa melunturkan semangat kemerdekaan.

Ia juga relevan dengan slogan 'Kita Jaga Kita' yang sememangnya memberi gambaran nilai patriotisme yang tiada tolok bandingan. Timbulnya slogan ini dalam keadaan pandemik yang dahsyat, adalah bukti kesatuan hati rakyat Malaysia dalam memerangi penularan COVID-19.

